



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

FAKTOR-FAKTOR MEMPENGARUHI MINAT PELAJAR PENDIDIKAN SENI VISUAL TERHADAP KRAF UKIRAN KAYU

HANIMAH BINTI HAJI ABDULLAH



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SEBAHAGIAN SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (SENI)**

**FAKULTI SENI DAN MUZIK
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2009**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Tujuan utama penyelidikan ini dilakukan adalah untuk mengkaji faktor yang mempengaruhi minat pelajar terhadap kraf ukiran kayu. Kajian ini melibatkan seramai 120 orang pelajar tingkatan 5 yang dipilih daripada tiga buah di sekitar daerah Kota Bharu, Kelantan iaitu SMK Zainab II, SMK Sultan Ismail Petra dan SMK Kok Lanas. Kesemua sampel pelajar yang terlibat daripada aliran sastera. Sampel guru digunakan dalam kajian ini sebagai menguatkan lagi dapatan kajian. Fokus utama kajian ini adalah terhadap faktor yang mempengaruhi minat pelajar terhadap kraf ukiran kayu, kelengkapan prasarana bagi membolehkan pembelajaran kraf ukiran kayu dapat dilaksanakan di sekolah dan melihat peranan guru dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran kraf ukiran kayu dalam Pendidikan seni Visual. Kajian ini perlu dijalankan memandangkan kraf tradisional khususnya ukiran kayu kurang mendapat perhatian dalam kalangan pelajar di sekitar daerah Kota Bharu. Kajian ini menggunakan gabungan reka bentuk kuantitatif dan kualitatif. Pendekatan kuantitatif digunakan untuk mendapatkan data keseluruhan faktor tentang minat pelajar terhadap kraf ukiran kayu. Pemerhatian yang menggunakan senarai semak dan temu bual digunakan untuk mendapatkan data secara lebih mendalam terhadap subjek kajian. Hasil dapatan menunjukkan bahawa pelajar tidak berminat terhadap kraf ukiran kayu adalah disebabkan kurangnya pendedahan pembelajaran kraf ukiran kayu dalam Pendidikan Seni Visual di sekolah. Pembelajaran kraf ukiran kayu di sekolah yang dikaji tidak memberikan pelajar ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam mengukir yang sepatutnya. Kemudahan prasarana ke arah pengajaran dan pembelajaran yang berkesan juga tidak disediakan dengan lengkap. Guru kurang pengetahuan dan kemahiran dalam mengukir. Guru juga lebih memberi tumpuan kepada aktiviti pembelajaran berdasarkan bidang seni halus. Oleh itu guru ialah sebahagian sebesar daripada faktor yang mempengaruhi minat pelajar dalam kajian ini.



ABSTRACT

This research is aimed at finding out the factors that influence students' interest in woodcarving. The research involves 120 Form Five students who are selected from 3 schools in Kota Bharu, namely, SMK Zainab II, SMK Sultan Ismail Petra and SMK Kok Lanas. All the students who make up this sample are studying in the Arts Stream. A teacher sample is also used to reinforce the findings of this study. The main focus of this research lies in the factors that affect students' interest in wood carving, the tools and facilities that are required to enable the learning of woodcarving in schools and to study the role of teachers in the teaching and learning of woodcarving in the Visual Arts subject. This study is pertinent because the art of traditional carving, especially woodcarving does not receive much interest among arts students in Kota Bharu. The study employs a mixture of quantitative and qualitative methods. The quantitative approach is used to obtain an overall data on students' interest towards woodcarving. Observation is carried out by using a checklist and the interview method in order to get more data regarding the subject under study. The subject of woodcarving in the schools in this research does not give students enough knowledge and skills. There is a lack in the facilities for the teaching and learning of woodcarving in these schools. The teachers also lack knowledge and skills in carving. Teachers give much emphasis towards the learning aspects of fine art. The findings of the study show that students' lack of interest in woodcarving is due to the lack of exposure in woodcarving in the Visual Art subject in schools. Therefore, in this study, it is found that teachers form a largely influential factor towards students' interest.

SENARAI KANDUNGAN

	HALAMAN
PENGAKUAN	ii
DECLARATION	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii

BAB 1	PENDAHULUAN	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Penyataan Masalah	23
1.3	Objektif Kajian	25
1.4	Persoalan Kajian	26
1.5	Kepentingan Kajian	26
1.6	Batasan Kajian	27
1.7	Kerangka Konsep Kajian	27
1.8	Definisi Kajian	31
1.9	Metodologi	37
1.10	Organisasi Tesis	39

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.0	Pengenalan	41
2.1	Faktor Yang Mempengaruhi Minat Pelajar Dalam Konteks Pendidikan Secara Am dan Minat Pelajar Terhadap Kraf Ukiran kayu Secara Khusus.	42



2.1.1	Guru sebagai penggerak motivasi	48
2.1.2	Teori-teori tentang motivasi (motivasi.html)	55
2.1.3	Konsep-konsep dasar tentang motivasi	57
2.1.4	Motivasi di dalam kelas	58
2.1.5	Motivasi dan aspek-aspek pengajaran	61
2.1.6	Motivasi dan persekitaran	64
2.1.7	Teknik-teknik motivasi dalam bilik darjah	65
2.2	Ukiran Kayu Dalam Konteks Kurikulum Pendidikan Seni Visual Di sekolah	73
2.2.1	Kraf ukiran kayu dalam Bidang Penghasilan Seni Visual	78
2.2.2	Kraf ukiran kayu dalam Bidang Sejarah dan Apresiasi Seni Visual	84
2.3	Peranan Guru Mempengaruhi Minat Belajar	88
2.3.1	Prinsip pembelajaran masteri	91
2.3.2	perkara yang perlu diambil kira dalam pembelajaran masteri	91
2.3.3	Peranan dan tugas guru dalam pembelajaran masteri	94
2.4	Prasarana Dan Hubungannya Dengan pengajaran Secara Am dan Prasarana Kraf Ukiran Kayu Secara Khusus	96
2.5	Kesimpulan	102



3.1	Pengenalan	104
3.2	Kaedah Penyelidikan	105
3.3	Instrumen Kajian	105
3.3.1	Soal Selidik	107
3.3.2	Senarai Semak	109
3.3.3	Temu bual	110
3.3.4	Kesahan Soal Selidik	112
3.3.5	Kajian Rintis	113
3.4	Populasi dan Sampel Kajian	115
3.4.1	Lokasi kajian	117
3.5	Tatacara Penyelidikan	118
3.6	Kaedah Penganalisisan Data	121
3.7	Kesimpulan	122



**BAB 4****ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pengenalan	123
4.2	Analisis Soal Selidik	124
4.2.1	Soal selidik bahagian A latar belakang pelajar	125
4.2.2	Rumusan soal selidik bahagian A	128
4.2.3	Analisis soal selidik bahagian B	129
4.2.4	Rumusan analisis soal selidik bahagian B	146
4.3	Analisis Kelengkapan Prasarana Pembelajaran Kraf Ukiran Kayu	148
4.3.1	Analisis dapatan senarai semak SMK 1	152
4.3.2	Analisis dapatan senarai semak SMK 2	156
4.3.3	Analisis dapatan senarai semak SMK 3	163
4.3.4	Rumusan dapatan senarai semak	166
4.4	Analisis Peranan Guru Terhadap Pengajaran Kraf Ukiran Kayu	167
4.4.1	Rumusan dapatan temu bual	172
4.5	kesimpulan	174

BAB 5**RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN DAN**

5.1	Pengenalan	175
5.2	Ringkasan Keseluruhan Kajian	176
5.3	Rumusan Kajian	177
5.3.1	Apakah faktor yang mempengaruhi minat pelajar terhadap kraf ukiran kayu dalam kalangan pelajar Pendidikan Seni Visual di tingkatan lima.	177
5.3.2	Adakah faktor kelengkapan prasarana kraf ukiran kayu di sekolah boleh mempengaruhi minat pelajar.	179
5.3.3	Adakah faktor guru boleh mempengaruhi minat pelajar Terhadap kraf ukiran kayu.	185
5.4	Implikasi Dan Cadangan	187
5.5	Cadangan Untuk Kajian Lanjutan	193
5.6	Kesimpulan	194

BIBLIOGRAFI

196



**SENARAI JADUAL****HALAMAN****No. Jadual**

3.1	Instrumen Kajian	106
3.2	Pengukuran Skala Likert	108
3.3	Alpha Cronbach	113
3.4	Kaedah Pemilihan Sampel Kajian	116
4.1	Jantina Responden	125
4.2	Pelajar pernah mengikuti pembelajaran kraf ukiran kayu di sekolah	126
4.3	Bilakah pelajar mengikuti pembelajaran kraf ukiran kayu di sekolah	126
4.4	Bentuk pengajaran dan pembelajaran kraf ukiran kayu yang dilaksanakan di sekolah	127
4.5	Pengalaman keluarga pelajar dalam mengukir	127
4.6	Pengalaman pelajar dalam mengukir di luar sekolah	128
4.7	Keseronokan pelajar mengikuti kraf ukiran kayu di sekolah	130
4.8	Pelajar yang suka membeli buku yang berkaitan dengan kraf ukiran kayu	130
4.9	Mengukir memerlukan bakat semula jadi	131
4.10	Mengukir salah satu dari hobi pelajar	132
4.11	Pengajaran dan pembelajaran kraf ukiran kayu di sekolah kurang membantu pelajar untuk mengenali motif ukiran kayu.	133
4.12	Bagi pelajar mengukir boleh melapangkan fikiran mereka	134
4.13	Pelajar yang tahu proses mengukir	134
4.14	Pelajar suka mengukir pada masa lapang	135
4.15	Guru perlu mengajar pelajar mengukir	136
4.16	Pengajaran dan pembelajaran kraf ukiran kayu tidak memberi kemahiran dalam mengukir.	136
4.17	Pelajar tidak suka mengukir kerana sensitif pada habuk	137
4.18	Pelajar perlu membeli sendiri bahan dan peralatan mengukir	138
4.19	Pelajar merasa jemu dan malas untuk mengikuti pembelajaran kraf ukiran kayu di sekolah.	139
4.20	Guru perlu menyediakan bahan dan alatan mengukir untuk pelajar	140
4.21	Guru sering membantu pelajar dalam aktiviti mengukir	141
4.22	Belajar mengukir lebih susah daripada melukis	142
4.23	Pelajar susah hendak memahami isi pelajaran ukiran kayu yang diajar di sekolah	143
4.24	Pengajaran dan pembelajaran kraf ukiran kayu dalam kelas perlu menarik dan seronok.	144
4.25	Guru PSV lebih kerap mengadakan aktiviti mewarna daripada aktiviti mengukir	145
4.26	Pelajar berhasrat untuk melanjutkan pembelajaran kraf ukiran kayu ke institusi kemahiran yang terdapat di dalam negara.	146
4.27	Dapatkan senarai semak di SMK 1	149
4.28	Dapatkan senarai semak di SMK 2	154
4.29	Dapatkan senarai semak di SMK 3	157



**SENARAI GAMBAR****HALAMAN**

Gambar 1:	Aplikasikan Ukiran Pada Istana Kota Jembal	13
Gambar 2:	Aplikasi Ukiran Pada cucur Atap Istana Kota Jembal	13
Gambar 3:	Aplikasi Ukiran Pada Tiang Sri Istana Raja Jembal	14
Gambar 4:	Pintu masuk Istana Balai Besar	15
Gambar 5:	Aplikasi Ukiran Pada Bangunan Istana Jahar	16
Gambar 6:	Aplikasi Ukiran Pada Balai Istiadat Bersiram Pengantin Diraja Di Istana Jahar.	16
Gambar 7:	Aplikasi Ukiran Pada Rumah Lama Di Kelantan	18
Gambar 8:	Aplikasi Ukiran Pada Pintu Beranda Rumah Tradisional	18
Gambar 9 :	Aplikasi Ukiran Pada Beranda Rumah Tradisional Melayu	19
Gambar10:	Aplikasi Ukiran Pada Tingkap dan Sisip Angin Rumah Tradisional Melayu.	19
Gambar 11:	Aplikasi Ukiran Pada Rumah Tradisional Melayu	20
Gambar 4.1:	Aktiviti mengukir	165
Gambar 5.1:	Bahan Bukti Dapatkan kajian 1	179
Gambar 5.2:	Bahan Bukti Dapatkan Kajian 2: Bahan Bantu Mengajar	180
Gambar 5.3:	Bahan Bukti Dapatkan Kajian 3: Bahan Bantu Mengajar	181
Gambar 5.4:	Bahan Bukti Dapatkan Kajian 4 Carta Bergambar Proses Mengukir	181
Gambar 5.5:	Bahan Bukti Dapatkan kajian 5 Carta Bergambar Motif Ukiran	182
Gambar 5.6:	Bahan Bukti kajian 6 Alatan mengukir	183
Gambar 5.7:	Bahan Bukti Kajian 7 Hasil Kerja Pelajar Dalam Bentuk Ukiran	184



SENARAI RAJAH**HALAMAN**

2.1 Raja Kerangka Konsepsual	28
3.1 Raja Carta Aliran Organisasi Penyelidikan	120

LAMPIRAN

Lampiran A : Soal Selidik Kajian

Lampiran B : Borang Pemerhatian

Lampiran C : Borang Temu bual

Lampiran F : Analisis Data

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kraf ukiran kayu merupakan salah satu daripada cabang seni yang diajar dalam kurikulum Pendidikan Seni Visual di sekolah Menengah (KBSM). Dalam Sukatan Pelajaran Pendidikan Seni Visual (PSV) 2003, kraf ukiran kayu terkandung dalam Bahagian Penghasilan Seni Visual iaitu dalam Bidang Kraf tradisional dan dalam Bahagian Sejarah dan Apresiasi Seni Visual. Objektif pembelajarannya adalah untuk menyediakan peluang kepada pelajar untuk mencungkil minat dan bakat-bakat yang terpendam di samping mengembangkan kreativiti mereka. Kehadiran kraf ukiran kayu



dalam Sukatan Pelajaran Pendidikan Seni Visual (2003), juga dapat memberi kesedaran kepada pelajar tentang adanya pelbagai kraf tradisi di negara kita di samping memperluas pengetahuan dan memupuk nilai apresiasi terhadap kraf-kraf nasional yang begitu cantik dan bernilai.¹

Sukatan Pelajaran Pendidikan Seni Visual 2003, telah membahagikan aktiviti pembelajaran kraf ukiran kayu kepada dua peringkat iaitu peringkat menengah rendah dan peringkat menengah atas.

Pada peringkat menengah rendah, kraf ukiran kayu dimasukkan ke dalam kurikulum Pendidikan Seni Visual di tingkatan dua. Objektif pembelajarannya untuk mengenal pasti pelbagai motif dalam mereka corak dan membuat kraf ukiran kayu tradisional, serta menghasilkan barang kraf ukiran kayu dengan menggunakan alat,bahan, dan teknik mengukir. Pembelajarannya merangkumi beberapa aras, antaranya ialah:

Aras 1: Memberi peluang kepada pelajar mengumpul maklumat reka bentuk ukiran kayu dengan memberi perhatian kepada fungsi, nilai budaya, kemasan dan pemeliharaan. Pelajar juga diberi peluang untuk menghasilkan motif ukiran dalam dua dimensi (2D).

Aras 2: Membolehkan pelajar membuat olahan motif ukiran kayu yang sesuai dengan hasil kerja dalam bentuk dua dimensi. Di peringkat ini pelajar perlu mempunyai kemahiran dalam memilih bahan kajian (subjek metter)

¹ Sukatan pelajaran Pendidikan Seni Visual 2003.





yang sesuai untuk dijadikan motif ukiran. Kemahiran dalam melukis, kemahiran dalam mengolah lakaran motif dan kemahiran dalam kemahiran dalam mereka letak motif dalam reka bentuk ukiran dan kemahiran dalam memilih lakaran motif yang sesuai untuk dijadikan motif ukiran.

Kemahiran dalam melukis adalah penting bagi membantu pelajar membuat lakaran motif. Melalui kemahiran melukis yang sedia ada dalam diri pelajar ia memudahkan lagi kerja-kerja mengolah idea secara kreatif menarik dan kemas serta membantu pelajar dalam membuat pemilihan lakaran motif yang lebih menarik. Pemahaman terhadap unsur-unsur dan prinsip rekaan adalah penting dalam membuat lakaran motif. Proses pengajaran dan pembelajaran artistik boleh digunakan oleh guru dalam melatih pelajar membuat lakaran motif.



Dalam proses menghasilkan olahan motif ukiran, pelajar perlu tahu jenis-jenis motif ukiran yang biasa digunakan dalam ukiran. Pelajar perlu membuat pemerhatian dan pengamatan terhadap contoh-contoh ukiran yang ada. Mengetahui proses melukis motif adalah penting agar hasil lakaran pelajar kelihatan menarik. Biasanya motif dalam ukiran kayu diambil daripada alam semula jadi seperti bunga-bungaan, daun-daun dan pokok-pokok yang menjalar. Berdasarkan sumber motif yang dipilih, pelajar meneruskan proses melukis motif di atas kertas lukisan, mengolah secara kreatif sehingga terhasilnya satu lakaran corak ukiran yang





menarik. Pilihan lakaran motif yang menarik akan dipindahkan ke atas permukaan kayu yang sesuai untuk diukir.

Selepas proses penyediaan lakaran motif, bahan dan peralatan mengukir juga perlu disediakan. Di sini pelajar perlu mengetahui bahan yang sesuai untuk diukir seperti kayu cengal, jelutung dan nyatuh. Membuat pemilihan bahan mengukir juga penting bagi memudahkan proses mengukir begitu juga dengan peralatan. Pelajar perlu mengenali peralatan yang sesuai dengan reka corak motif ukiran. Pisau wali adalah antara alat yang penting dalam proses mengukir bagi membolehkan untuk membentuk motif dan melicinkan serta meratakan permukaan ukiran.

Pengetahuan dalam teknik dan proses mengukir juga perlu dipelajari dan difahami oleh pelajar. Mengetahui bahagian mana yang perlu diukir terlebih dahulu dan cara mengukir bagi setiap motif terutama bagi ukiran tebuk tembus yang memerlukan ketelitian dan kehalusan agar ukiran tidak patah atau rosak. Teknik mengukir bunga timbul juga perlu kepada kehalusan kerja agar permukaan ukiran tidak kasar. Kehalusan dan kelincinan permukaan menampakkan keindahan dan keunikian sesuatu ukiran.

Setelah mempelajari dan memahami ilmu dalam ukiran seperti yang telah dinyatakan di atas, pelajar boleh melakukan aktiviti mengukir dengan menghasilkan satu reka bentuk ukiran yang bersaiz kecil dalam bentuk tiga dimensi (3D).





Aras 3: Pembelajaran kraf dalam Bidang Sejarah dan Apresiasi Seni Visual iaitu membicarakan tentang perkembangan Seni kraf ukiran kayu di Malaysia. Objektif pembelajarannya adalah bagi membolehkan pelajar mengetahui sejarah kraf ukiran tradisional dari aspek tokoh, karya dan sumbangannya. Aras pembelajarannya membolehkan pelajar mengumpul maklumat sejarah kraf ukiran kayu tradisional dari aspek pengenalan, tokoh, karya dan sumbangannya. Pelajar perlu menghuraikan perkembangan kraf ukiran kayu tradisional dan peribumi (etnik) dari aspek pengenalan, tokoh dan sumbangannya dalam bentuk portfolio.

Di peringkat menengah atas, pembelajaran kraf ukiran kayu melibatkan kurikulum Pendidikan Seni Visual di tingkatan empat dan lima. Objektif pembelajarannya membolehkan pelajar mempelajari proses penghasilan kraf untuk menjadikan mata barang (*end product*). Aras pembelajarannya juga terbahagi kepada tiga.



Aras 1: Melatih pelajar untuk mengenal pasti pelbagai motif mereka corak dalam membuat kraf ukiran kayu. Mengetahui alat, bahan, teknik, dan proses penghasilan kraf ukiran kayu. Mengetahui reka corak kraf ukiran kayu dengan memberi perhatian kepada fungsi, nilai budaya, dan kemasan.

Aras 2: Pelajar mempelajari cara mereka corak dan mereka bentuk kraf ukiran kayu dengan menggunakan alat, bahan, dan teknik khusus. Mengetahui sejarah kraf ukiran kayu tempatan serta serantau. Mengenali beberapa tokoh kraf ukiran kayu dan menghasilkan barang kraf dengan





menggunakan bahan, alat dan teknik tertentu di samping membuat kajian tentang bahan, alat, teknik dan proses.

Aras 3: Mereka ganti alat, bahan, dan teknik yang sesuai dalam penghasilan kraf ukiran kayu. Pelajar dikehendaki menghasilkan kraf ukiran kayu dalam dimensi baru. Di peringkat ini juga pelajar perlu diberi pengetahuan tentang perkembangan teknologi pembuatan kraf ukiran kayu tradisional dan peribumi serta menghargai sumbangan dan hasil karya tokoh kraf ukiran kayu tradisional. Seterusnya pelajar perlu menyediakan portfolio proses kerja dan portfolio persesembahan dan kemasan kerja.

Pembelajaran kraf ukiran kayu di peringkat menengah atas dapat memberi peluang kepada pelajar untuk mengembangkan pengetahuan dan idea kreatif dalam menghasilkan karya atau gubahan dalam bentuk kraf ukiran kayu. Di samping itu pelajar juga dapat mengaplikasikan penggunaan media dan peralatan dalam menghasilkan ukiran kayu. Pelajar juga dapat meningkatkan kemahiran dalam teknik dan proses mengukir melalui pengajaran dan bimbingan yang berkesan daripada guru seni.

Dalam menghasilkan sesuatu reka bentuk ukiran, terlebih dahulu pelajar akan diberi bimbingan dan tunjuk cara oleh guru dalam proses menyediakan lakaran motif atau reka corak ukiran. Proses ini bermula dengan memilih sumber motif untuk dijadikan bahan kajian, melukis sumber motif, membuat lakaran perkembangan idea dan seterusnya membuat pemilihan lakaran yang sesuai dan menarik dengan reka bentuk ukiran yang akan dihasilkan. Kemahiran melukis dan pengetahuan sedia ada pelajar terhadap penggunaan unsur-unsur seni dan prinsip rekaan seni Visual juga penting bagi membantu



pelajar dalam menghasilkan lakaran yang menarik dan kreatif. Pengalaman dan pengamatan terhadap contoh-contoh ukiran yang sedia ada juga dapat membantu pelajar dalam meningkatkan idea kreatif dalam menghasilkan reka corak motif. Guru boleh membantu pelajar dalam membuat pemilihan lakaran reka corak motif ukiran melalui sesi perbincangan dan kritikan terhadap hasil kerja pelajar.

Pelajar juga perlu mengetahui dan mengenali bahan ukiran yang sesuai untuk diukir seperti kayu cengal, kayu jelutong, kayu nyatuh dan kayu merbau. Pemilihan bahan ini boleh disesuaikan dengan reka bentuk ukiran yang akan dihasilkan. Pengetahuan dan kemahiran dalam penggunaan peralatan mengukir juga penting bagi memudahkan dan mempercepat proses mengukir serta memperoleh hasil ukiran yang menarik. Pelajar juga akan diberi pendedahan dalam penggunaan peralatan moden gergaji elektrik dan gerudi elektrik bagi mempercepat proses memotong kayu dan menebuk lubang terutama bagi menghasilkan ukiran tebuk tembus.

Selain mengembangkan idea kreatif dalam mengenali peralatan dan penggunaannya, pengetahuan terhadap teknik dan proses mengukir juga perlu bagi meningkatkan kemahiran pelajar dalam mengukir dan seterusnya dapat menghasilkan ukiran yang lebih menarik.

Melalui kurikulum kraf ukiran kayu, pelajar dapat mempertingkatkan pengetahuan dan keilmuan tentang peradaban manusia melalui pernyataan seni, berkembang tamadun teknologi, sosial, politik, kesenian dan kesannya terhadap ketamadunan manusia. Dalam proses pembelajaran kraf ukiran kayu, pelajar mempelajari kemahiran berfikir dalam memilih motif ukiran, menghasilkan reka corak motif, memilih



peralatan mengukir yang sesuai dengan gubahan. Proses mengukir juga memerlukan pemikiran yang kreatif agar tidak berlaku kesilapan yang membawa kepada kerugian bahan dan masa. Kemahiran dalam menganalisis serta membandingkan hasil karya sendiri dengan hasil-hasil karya orang lain. Kemampuan pelajar dalam membuat penyelesaian masalah dalam kerja, meningkatkan ilmu pengetahuan dan kehidupan serta mempertingkatkan pengetahuan dalam seni tradisi dan budaya yang berkaitan dengan kraf ukiran kayu melalui seni yang diwarisi dan juga seni daripada budaya lain.

Melalui aktiviti mengukir, pelajar dapat mempelajari dan memahami nilai estetik dalam ukiran yang dapat dilihat terutama pada reka corak motif yang dihasilkan dan dapat membuat perbandingan serta menghargai nilai yang ada pada karya yang dihasilkan oleh orang lain. Nilai estetik dan keunikan pada sesuatu ukiran itu dapat dilihat dan diperhatikan pada kemampuan tukang ukir dalam menyusun atur motif dalam reka bentuk ukiran. Di samping itu keindahan ukiran dapat dilihat pada kehalusan motif yang dibentuk dan menampakkan liuk lentuk dan kelembutan pada motif yang diukir. Kehalusan dan kelincinan permukaan kayu yang di ukiran menampakkan kemampuan dan kepakaran pengukir dalam mengukir. Ukiran yang kasar yang tidak menampakkan kelembutan pada corak yang diukir dikatakan tidak mempunyai nilai estetik yang asli dalam ukiran. Tukang-tukang ukir dahulu menghasilkan seni ukirannya dengan penuh teliti sehingga menampakkan kehalusan pada hasil kerjanya.

Melalui pengamatan ini, pelajar akan dapat menghargai sumbangan yang dilakukan oleh tukang-tukang ukir dahulu di samping mengekal, meningkat, dan memperkembangkan budaya dan kesenian bangsa. Pelajar juga dapat mempelajari



kebolehan dan kemahiran dalam mengukir yang pernah dimiliki oleh tukang-tukang ukir terdahulu.

Dapatkan hasil daripada pembelajaran kraf ukiran kayu dalam Pendidikan Seni Visual akan membawa seribu erti dalam diri seseorang individu. Antara ilmu pengetahuan yang boleh sampaikan kepada pelajar dalam pembelajaran kraf ukiran kayu ialah ilmu yang berkaitan dengan falsafah dalam ukiran. Di sebalik keindahan susunan motif ukiran yang dihasilkan oleh tukang-tukang ukir dahulu dikatakan banyak mempunyai makna yang tersurat dan tersirat yang hendak disampaikan kepada anak cucunya sebagai pengajaran dalam kehidupannya. Begitu juga dengan pemilihan motif kebanyakan tukang-tukang ukir memilih motif ukiran dari alam semula jadi yang menampakkan kesegaran dan keindahan yang sejati hasil ciptaan daripada Allah SWT (Abdullah Muhammad 1978).

Seseorang guru seni harulah mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam bidang kraf ukiran kayu bagi menyampaikan ilmu pengetahuan dan kemahiran kepada pelajar. Pengajaran yang afektif daripada guru membantu pelajar dalam memperoleh ilmu pengetahuan, falsafah dan kemahiran dalam kraf ukiran kayu. Ilmu dalam falsafah ukiran boleh disampaikan kepada pelajar melalui pembelajaran kraf ukiran kayu secara teori dan praktikal. Melalui pembelajaran teori guru boleh menjelaskan makna-makna di sebalik keindahan reka corak motif yang dihasilkan oleh pengukir. Ilmu dalam falsafah ukiran kayu juga boleh disampaikan kepada pelajar melalui aktiviti melakar atau mereka corak motif ukiran. Guru boleh menjelaskan kepada pelajar bagaimana cara untuk melukis reka corak motif ukiran kerana setiap reka corak motif ini membawa makna dan

pengajaran yang boleh dilihat. Bagi mereka yang mempunyai pengetahuan dalam falsafah ukiran kayu, mereka akan mampu melihat dan menilai keindahan dan keunikannya. Dalam menghasilkan ukiran, kemahiran mereka corak motif adalah penting supaya hasil ukiran itu bukan setakat dilihat keindahan luarannya sahaja. Ini adalah kerana dalam setiap motif ukiran kayu itu mempunyai ilmu yang berbentuk unsur-unsur nasihat dan pengajaran kepada masyarakat. Hasilan seni masyarakat lampau ini bukan sahaja memaparkan aktiviti-aktiviti kehidupan, malah kraf ukiran kayu merupakan ekspresi budaya dan warisan yang dihasilkan oleh masyarakat silam di Malaysia. Ia juga merupakan satu khazanah unik yang sangat bernilai kepada warisan dan juga negara.

Selain mempelajari, menghasilkan dan menghayati, kraf ukiran kayu mampu mendisiplinkan diri pelajar melalui proses penghasilan karya. Kraf ukiran kayu mampu membantu pelajar untuk mengetahui tentang hubungan antara karya seni atau hasil-hasil peninggalan seni dengan dimensi masa, ruang, manusia dan seniman serta pemikiran mereka dan seterusnya membolehkan pelajar memahami bentuk-bentuk tamadun yang merentasi dimensi masa dan ruang serta bangsa dan budaya secara perbandingan. Dalam konteks pembelajaran kraf ukiran kayu di sekolah, pelajar perlu melihat dan mengetahui perbezaan reka bentuk ukiran yang dihasilkan oleh masyarakat pada zaman dahulu dengan masyarakat sekarang. Pelajar perlu membuat kajian perbandingan setiap reka bentuk ukiran yang dihasilkan mengetahui tujuan reka bentuk ukiran itu dihasilkan serta perbezaan dari sudut kegunaannya. Melalui kaedah kajian ini pelajar akan memperoleh pengetahuan yang lebih luas tentang kewujudan kraf ukiran kayu dalam masyarakat



dahulu dan masyarakat sekarang. Ukiran yang dihasilkan sebelum kedatangan agama Islam banyak dihasilkan dalam bentuk patung-patung yang menggunakan motif haiwan dan mempunyai tujuan tertentu. Tetapi selepas kedatangan agama Islam ukiran bermotifkan haiwan sudah tidak wujud lagi kerana Islam menolak bentuk-bentuk binatang, jika ada ia telah di ubah suai supaya tidak menyerupai bentuk yang sebenar. Kebanyakan motif yang digunakan adalah daripada unsur tumbuh-tumbuhan, kosmos dan geometri dan motif kaligrafi. Pelajar perlu memiliki pengetahuan ini bagi membolehkan pelajar mengaplikasikannya dalam aktiviti berbentuk ukirannya.

Peranan masyarakat di Kelantan khususnya, pembelajaran kraf ukiran kayu seharusnya mempunyai tanggapan yang tinggi dan mendapat galakkan daripada masyarakat kerana adanya kraf ukiran kayu dalam kurikulum Pendidikan Seni Visual di sekolah, dapat memberi pendidikan kepada anak-anak mereka bukan setakat menerima ilmu dan kemahiran matematik, sains dan teknologi sahaja, pendidikan kraf juga dapat menentukan kerjaya seseorang pada masa hadapan. Kraf ukiran kayu harus diterima oleh masyarakat dan pelajar khususnya di negeri Kelantan, kerana ia bertujuan untuk mengembangkan potensi menyeluruh anak-anak mereka secara optimum bukan setakat menjuruskan kepada mata pelajaran utama, ia juga melalui mata pelajaran pelengkap yang lain termasuk mata pelajaran Pendidikan Seni Visual.

Kelantan ialah salah sebuah negeri yang terkenal dengan penghasilan kraf ukiran kayu sejak zaman-berzaman lagi dan sejarah juga telah membuktikan Kelantan adalah antara negeri yang banyak menghasilkan kraf ukiran kayu yang unik dan tinggi mutunya. Di Keunikan hasil kraf ukiran kayu yang dihasilkan oleh tukang-tukang ukir dahulu






masih ada dan dapat dilihat lagi pada hari ini, contohnya ukiran yang terdapat pada bangunan-bangunan lama terutamanya di sekitar daerah Kota Bharu. Antara bangunan tersebut ialah ukiran pada Istana Jahar iaitu sebuah istana yang dibina daripada kayu dan sekarang ini telah diubah suai dan dijadikan sebuah Muzium Adat Istiadat Diraja yang terletak di Kota Bharu. Ukiran pada Pintu Utama Istana Balai Besar dan yang seterunya ialah istana Kota Jembal yang kini telah diubah suai dijadikan restoran warisan yang terletak di Pulau Melaka, Kota Bharu, Kelantan. Bangunan-bangunan ini dipenuhi dengan hiasan ukiran kayu yang amat unik corak penghasilannya. Kebanyakan tukang ukir pada masa dahulu amat mahir dan berpengetahuan tinggi dalam ilmu ukiran. Terdapat banyak lagi hasil tinggalan kraf ukiran kayu yang dihasilkan oleh mereka. Kini seni warisan ini masih diteruskan oleh beberapa orang tukang ukir yang tidak kurang kehebatannya dalam ilmu dan kemahiran mengukir yang masih setanding dengan tukang-ukir dahulu.



Gambar: 1**Aplikasikan Ukiran pada Istana Kota Jembal****Gambar: 2****Aplikasi Ukiran Pada cucur Atap
Istana Kota Jembal**

Gambar: 3**Aplikasi Ukiran Pada Tiang Sri Istana Kota Jembal**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Gambar: 4

Pintu masuk Istana Balai Besar



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



**(Aplikasi Ukiran Pada Pintu Masuk
Istana Balai Besar)**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Gambar: 5
Aplikasi Ukiran Pada Bangunan Istana Jahar



Gambar: 6

**Aplikasikan Ukiran Pada Tenia Istiadat Bersiram
Pengantin Diraja Istana Jahar**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi


(Gambar-gambar di atas adalah membuktikan kehebatan seni ukiran kayu Melayu yang digunakan sebagai penghiasan pada bangunan-bangunan bersejarah di negeri Kelantan.

Kebanyakan tukang ukir yang ada di negeri Kelantan dari dahulu sehingga sekarang, mewarisi ilmu dan kemahiran dalam mengukir daripada ahli keluarganya secara turun-temurun. Namun begitu, pada hari ini tidak ramai lagi masyarakat di Kelantan yang meminati bidang kraf ukiran kayu. Kerja-kerja mengukir juga amat berkurangan dilakukan. Kebanyakan mereka lebih memberi tumpuan kepada bidang-bidang profesional yang lain. Ekoran daripada itu tidak banyak lagi hasil ukiran kayu yang dapat dipaparkan sebagai tayangan untuk pelancong yang datang ke Kelantan atau dapat dijadikan tinggalan sejarah untuk generasi akan datang sekiranya tinggalan sejarah ukiran kayu yang ada pada hari ini pupus ditelan zaman. Kebanyakan pembinaan rumah dan bangunan di Kelantan pada hari ini amat berkurangan sekali menggunakan ukiran kayu sebagai penyudah atau hiasan pada binaan mereka. Perkara ini berlaku kerana kos pembinaan rumah kayu lebih mahal daripada kos pembinaan rumah konkrit dari simen. Harga ukiran kayu juga semakin hari semakin meningkat ikutan daripada kenaikan harga kayu. Tambahan lagi terdapatnya kekurangan tenaga mahir dalam mengukir.

Gambar: 7**Aplikasi Ukiran Pada Rumah Lama Di Kelantan****Gambar: 8****Aplikasi Ukiran Pada Pintu Beranda Rumah Tradisional Di Kelantan**

Gambar: 10

**Aplikasi Ukiran Pada Beranda
Rumah Tradisional Melayu Di Kelantan**

**Gambar: 9**

**Aplikasi Ukiran
Pada Sisip Angin Rumah Tradisional**





Pembelajaran Kursus Seni Visual dan Pengurusan Perpustakaan

Gambar: 11

Aplikasi Ukiran Pada Tingkap dan Sisip Angin Rumah Tradisional Melayu



Gambar-gambar di atas membuktikan peranan seni ukiran kayu dalam seni bina rumah tradisional Melayu.

Diharapkan melalui pembelajaran kurikulum Pendidikan Seni Visual di sekolah, warisan khazanah budaya bangsa kraf ukiran kayu dapat dikekalkan dan diperjuangkan oleh pelajar melalui asuhan dan bimbingan yang berkesan daripada guru seni. Di sini bakat, kemahiran dan minat pelajar dapat diperkembangkan. Pelajar ialah aset utama negara yang mampu memberi sumbangan tenaga dan kemahiran dalam meningkatkan ekonomi negara. Mereka ini juga adalah bakal mewarisi dan menghidupkan seni warisan budaya bangsa kraf ukiran kayu khususnya di negeri Kelantan.





Pembelajaran kraf ukiran bukan setakat berakhir di sekolah sahaja, malah bagi pelajar yang berminat untuk meningkatkan lagi ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam bidang kraf ukiran kayu, mereka boleh meneruskan pembelajarannya di mana-mana institusi yang disediakan oleh kerajaan.

Oleh yang demikian, kraf ukiran kayu perlu diketengahkan semula bukan sahaja untuk budaya dan warisan tetapi untuk masyarakat di negara ini bahkan di peringkat antarabangsa melalui penghasilan industri ukiran perabot kayu secara global yang boleh menarik minat masyarakat dan mampu menyaingi pengeluaran perabot kayu jati dari Indonesia yang kian laris di pasaran dan menjadi idaman kaum wanita di Malaysia untuk menghiasi rumah-rumah mereka. Namun begitu nilai ukirannya tidak setanding dengan keindahan dan keunikan ukiran tradisional di negara kita.

Mengikut Norhaiza Noordin ‘seni ukiran masyarakat Melayu’ kini kian mendapat



nama dan dihargai oleh masyarakat Eropah. Beliau telah menyatakan:

“Keunikan seni ukiran Melayu mendapat tempat dalam masyarakat Eropah terutama ukiran pada hulu keris. Mereka tertarik dengan kehalusan dan ketelitian dalam seni ukiran Melayu hingga ada di antara mereka menyimpan keris ukiran kayu Melayu sebagai koleksi mereka.”

(Berita Harian,25hb.Dis.2008: 20).

Kraf ukiran kayu di Malaysia boleh dimaju dan diperkembang melalui penghasilan industri ukiran kayu tradisional dengan menggunakan teknologi moden di mana perusahaan ini dapat memberi peluang pekerjaan khususnya kepada masyarakat di negeri Kelantan. Ia juga dapat meningkatkan lagi pengeluaran kraf ukiran kayu





tradisional dalam pelbagai reka bentuk dimensi baru. Di Kota Bharu terdapat sebuah industri kraf tangan tradisional yang menggunakan teknologi moden dalam menghasilkan pelbagai reka bentuk dimensi moden seperti bingkai cermin, panel hiasan handing bermotif kaligrafi dan geometri. Industri ini terletak di Jalan Bayam Kota Bharu.

Melalui skop kurikulum Pendidikan Seni Visual yang dipelajari di sekolah, pembangunan dan pengalaman estetik pelajar hingga kefahaman terhadap seni yang dipelajari melalui kraf ukiran kayu dapat memperkaya pengetahuan tentang perbilangan kaum dan budaya di negara ini dan antarabangsa.

Sekiranya sekolah tidak mengajar dan pelajar tidak mempelajari Pendidikan Seni Visual di sekolah, ini bermakna sekolah gagal membentuk generasi celik budaya, pelajar tidak dapat mempelajari nilai-nilai estetik yang tinggi terhadap hasilan seni ukiran kayu, pelajar juga tidak berpeluang untuk berimiginasi, kritis, inovatif dalam bidang kraf ukiran kayu dan juga dalam bidang seni yang lain. Di samping itu pelajar juga tidak berpeluang untuk diberi didikan supaya menghargai alam persekitaran, keindahan seni ukiran, menyayangi seni warisan bangsa serta tokoh-tokoh seni tanah air sendiri. Pelajar juga tidak dapat menyumbangkan ilmu pengetahuan dalam bidang kraf ukiran kayu untuk diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara.

Guru perlu menunaikan hak pelajar dalam menimba ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam bidang kraf ukiran kayu kerana ia adalah sebahagian daripada keperluan pelajar dalam mempelajari ilmu dan kemahiran dalam Pendidikan Seni Visual untuk kegunaan dalam kehidupannya, keluarga, masyarakat dan negara. Memelihara khazanah seni warisan bangsa 'kraf ukiran kayu' adalah merupakan tanggungjawab bagi





setiap individu agar seni kraf tradisional ini tidak hilang dan generasi akan datang berpeluang untuk mengenalinya. Oleh itu kraf ukiran kayu perlu diberi nafas baru kepadanya dan memberi peluang dan galakan kepada generasi baru untuk mempelajari supaya seni ukiran ini tidak berkubur di tanah air sendiri.

1.2 Pernyataan Masalah

Seperti mata pelajaran lain, mata pelajaran Pendidikan Seni Visual juga terlibat dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Pelajar-pelajar Pendidikan Seni Visual yang menduduki peperiksaan SPM, wajib mengambil kertas 2611/3 iaitu Kajian Rekaan Seni Visual (KRSV) dan ia perlu dilaksanakan bagi tempoh enam bulan dalam tahun semasa peperiksaan itu diambil iaitu bermula dari bulan Januari sehingga bulan Julai.²

Kebiasaannya kertas soalan KRSV mengandungi sembilan tajuk tugas yang terdiri daripada empat bidang rekaan seni visual iaitu bidang seni halus, bidang reka bentuk, bidang kraf, dan bidang komunikasi seni visual. Daripada sembilan tajuk tugas yang diperlukan, pelajar dikehendaki membuat pilihan daripada salah satu tajuk tersebut dan menyediakan satu proses kerja yang lengkap berbentuk portfolio serta hasil kerja dalam bentuk tiga dimensi. Penilaian proses kerja pelajar akan dilakukan di sepanjang masa kerja kursus dilaksanakan oleh guru pendidikan seni berdasarkan kepada aspek dan

² Kertas soalan SPM 2007, 2611/3 KRSV. Lembaga Peperiksaan Malaysia, Kementerian Pelajaran Malaysia.





kriteria yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan. Manakala pentaksiran markah akhir KRSV akan dilakukan oleh pihak pentaksiran dan pemarkahan negeri yang dilantik oleh Jabatan Pendidikan Negeri (Buku Panduan Taksiran KRSV, SPM 2008, PSV 261/3).

Masalah yang dihadapi semasa membuat pemilihan tajuk tugasan KRSV pada setiap tahun ialah, kebanyakannya pelajar Pendidikan Seni Visual di seluruh negeri Kelantan tidak berminat untuk memilih tajuk tugasan daripada bidang kraf, terutama kraf ukiran kayu. Ini dinyatakan oleh guru-guru Pendidikan Seni Visual yang hadir dalam seminar perpengkelan KRSV 2007, yang diadakan di peringkat negeri Kelantan, yang bertempat di Perdana Resort, di Pantai Cahaya Bulan (PCB) Kota Bharu. Seminar ini berlangsung pada 18-19hb. Mach. 2007. Turut hadir dalam seminar ini ialah Encik Adam Berahim selaku Ketua Pentaksiran dan pemarkahan KRSV peringkat negeri Kelantan.



Dalam seminar tersebut didapati sebanyak 129 buah sekolah menengah di seluruh negeri Kelantan (termasuk sekolah menengah kerajaan, sekolah swasta dan sekolah menengah Yayasan Islam Negeri Kelantan) yang terlibat dengan KRSV 2007. Daripada jumlah ini hanya empat buah sekolah sahaja yang memilih tajuk kraf ukiran kayu dengan bilangan pelajar seramai 21 orang. Selebihnya pelajar lebih berminat dengan Bidang Seni Halus, Bidang Komunikasi Seni Visual dan Bidang Reka Bentuk.

Di sekitar daerah Kota Bharu, didapati 2 buah sekolah sahaja daripada 37 buah sekolah, yang memilih tajuk kraf ukiran kayu dengan jumlah pelajar seramai 11 orang daripada 3941 orang pelajar yang berdaftar untuk PSV bagi SPM 2007. Daripada





jumlah tersebut peratus pelajar yang memilih tugas KRSV 2007 bagi tajuk kraf ukiran kayu hanya 0.3% dan selebihnya 99.3% lagi tidak memilih tajuk kraf ukiran kayu.³

Melihat kepada dapatan senario di atas, ini menunjukkan lebih ramai pelajar Pendidikan Seni Visual yang tidak berminat dengan bidang kraf ukiran kayu. Oleh itu penyelidik merasakan penting untuk dikaji faktor-faktor yang menyebabkan pelajar-pelajar Pendidikan Seni Visual tidak berminat dengan kraf ukiran kayu.

1.3 Objektif Kajian

Secara khusus objektif kajian ini adalah untuk mengkaji minat pelajar terhadap kraf ukiran kayu.

- 3.3.1 Mengkaji faktor yang mempengaruhi minat pelajar terhadap kraf ukiran kayu dalam kalangan pelajar Pendidikan Seni Visual di tingkatan lima.
- 3.3.2 Mengkaji adakah faktor kelengkapan prasarana kraf ukiran kayu di sekolah boleh mempengaruhi minat pelajar.
- 3.3.3 Mengkaji adakah faktor guru boleh mempengaruhi minat pelajar terhadap kraf ukiran kayu.

³ En. Adam Ibrahim, penceramah dan ketua pentafsir KRSV Negeri Kelantan tahun 2007.



1.4 Persoalan Kajian

Secara khusus kajian ini cuba menjawab persoalan berikut:

- 1.4.1 Apakah faktor yang mempengaruhi minat pelajar terhadap kraf ukiran kayu dalam kalangan pelajar Pendidikan Seni Visual di tingkatan lima?.
- 1.4.2 Adakah faktor kelengkapan prasarana kraf ukiran kayu di sekolah mempengaruhi minat pelajar?.
- 1.4.3 Adakah faktor guru mempengaruhi minat pelajar terhadap kraf ukiran kayu?.

1.5 Kepentingan kajian

Kajian ini merupakan langkah awal bagi penyelidik untuk melihat minat pelajar terhadap kraf ukiran kayu. Dapatan kajian ini dijangka dapat:

1. Menambah baik minat pelajar terhadap kraf ukiran kayu.
2. Memberi dorongan kepada guru Pendidikan Seni Visual untuk membaiki kualiti pengajaran dan pengajaran di sekolah.
3. Memberi maklumat kepada pihak pentadbir sekolah agar dapat menyediakan kelengkapan prasarana pembelajaran kraf ukiran kayu seperti yang sepatutnya.
4. Memberi kesedaran kepada masyarakat sekitar agar seni kraf ukiran kayu dapat dikekalkan supaya seni warisan daripada turun temurun ini tidak pupus ditelan zaman.



1.6 Batasan Kajian

Kajian ini hanya ditumpukan kepada pelajar-pelajar Pendidikan Seni Visual di tingkatan lima, dan guru-guru yang mengajar Mata Pelajaran Pendidikan Seni Visual di tingkatan empat dan lima di tiga buah sekolah menengah kerajaan yang telah dipilih di sekitar daerah Kota Bharu, Kelantan. Kajian ini juga melibatkan prasarana sekolah yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran kraf ukiran kayu dalam Pendidikan Seni Visual.

Kajian ini menggunakan Sukatan Pelajaran Pendidikan Seni Visual (KBSM) 2003 dan Huraian Sukatan Pelajaran yang disediakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.


Kajian hanya menumpukan kepada 3 persoalan kajian di atas sahaja. Kawasan kajian ini ditumpukan kepada tiga buah sekolah yang dipilih di sekitar daerah Kota Bharu, Kelantan.

1.7 Kerangka Konsep Kajian Minat Pelajar Terhadap Kraf Ukiran kayu

Kerangka konsep kajian disusun berdasarkan kepada konstruksi yang ditunjukkan dalam rajah 2.1 di bawah.



Rajah 2.1 Kerangka Konsep Kajian Minat Pelajar Terhadap Kraf Ukiran Kayu



Kajian yang dijalankan ini tertumpu kepada faktor yang mempengaruhi minat pelajar terhadap kraf ukiran kayu. Dalam permasalahan kajian ini, penyelidik melihat beberapa faktor yang boleh mempengaruhi minat pelajar iaitu:

- i. Faktor persekitaran dan sosial budaya
- ii. Faktor pelajar
- iii. Faktor prasarana
- iv. Faktor guru



i. Faktor persekitaran dan sosial budaya:

Dalam kajian ini, faktor persekitaran dan sosial budaya juga boleh mempengaruhi minat pelajar terhadap kraf ukiran kayu. faktor ini dilihat dari sudut latar belakang keluarga pelajar. Ada antara pelajar yang mempunyai pengetahuan sedia ada dalam mengukir, sama ada mereka mewarisi daripada ahli keluarganya atau di persekitaran mereka terdapat tukang-tukang ukir yang boleh mempengaruhi minat mereka terhadap kraf ukiran kayu. Dorongan dan rangsangan daripada keluarga serta persekitaran ini boleh mempengaruhi minat pelajar terhadap kraf ukiran kayu. Wilson (1971), menyatakan bahawa minat seseorang kanak-kanak ialah apa yang dirasakan dari semasa ke semasa yang mendorongkan untuk melakukan sesuatu itu dengan bersungguh dan seterusnya berusaha menambah maklumat yang lebih tentangnya.



ii. Faktor pelajar:

Pelajar ialah faktor utama yang dilihat dalam kajian ini. Mengikut Evans (1965), beliau mengatakan minat ialah satu kecenderungan seseorang terhadap sesuatu objek atau aktiviti yang darinya ia mendapat kepuasan atau rasa terhibur tatkala memiliki atau melakukannya. Mengikut pendapat Strong (1954), beliau mempercayai bahawa minat itu adalah semula jadi dan minat seseorang terhadap sesuatu perkara akan timbul apabila adanya tindak balas hasil daripada pertembungan dengan objek atau aktiviti. Oleh itu kajian ini akan melihat





bagaimana reaksi pelajar terhadap kraf ukiran kayu hasil daripada pembelajaran yang dilaksanakan oleh guru di dalam kelas.

iii. Faktor ketiga ialah kelengkapan prasarana:

Kelengkapan prasarana dalam sesuatu pengajaran dan pembelajaran adalah penting bagi mencapai objektif pembelajaran. Dalam konteks kajian ini kelengkapan tempat, bahan dan alat mengukir adalah penting bagi membolehkan pembelajaran teori dan amali dilaksanakan kepada pelajar. Pembelajaran tanpa menggunakan bahan dan peralatan yang lengkap seperti mana yang dicadangkan dalam sukatan pelajaran Pendidikan Seni Visual 2003, sudah tentu tidak dapat mencapai objektif dan sasaran yang sebenar. Sebagai contoh, Dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran masteri, guru-guru dikehendaki melakukan pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan kepada pelajar, menarik dan menyeronokkan dengan melakukan aktiviti yang memberangsangkan dan menggunakan segala kelengkapan bahan dan alat yang diperlukan dalam pengajaran dan pembelajaran bagi membolehkan pelajar memperoleh ilmu pengetahuan dan kemahiran. Oleh itu dalam konteks kajian ini, kelengkapan prasarana merupakan faktor penting yang perlu dikaji.

iv. Faktor guru:

Faktor guru dilihat sebagai pelengkap dan menguatkan lagi dapatan dalam kajian ini. Kajian ini melihat bagaimana cara guru merancang aktiviti pengajaran dan





pembelajaran kraf ukiran kayu kepada pelajar dan kesediaan guru terhadap pengajaran kraf ukiran kayu. Kajian ini menggunakan pendekatan teori motivasi dalam belajar, pembelajaran masteri dan kaedah pengajaran efektif.

Melalui konstruksi yang telah dibina di atas, satu kajian lengkap dapat dijalankan dengan lancar berdasarkan permasalahan dalam kajian. Kajian ini menggunakan tiga instrumen bagi memperoleh data-data yang diperlukan. Antara instrumen yang digunakan ialah soal selidik, pemerhatian melalui penggunaan senarai semak dan temu bual. Penggunaan instrumen yang berlainan ini bagi memperoleh data yang lebih lengkap.

1.8 Definisi Istilah



Untuk tujuan khusus penyelidikan ini, definisi istilah dan rangkai kata diuraikan seperti di bawah.

1.8.1 Minat

Definisi minat seperti yang dinyatakan oleh White (1967) dalam tesis Kartina Basirun (2002). Minat ialah sebagai:

“An inclination to engage in some one or more perceptual, intellectual or practical activites that are appropriate to the particular object of interest.”

Sementara itu Wilson (1971) dalam Kartina Basirun 2002 mentakrifkan minat kepada seseorang kanak-kanak ialah apa yang dirasakan dari semasa ke semasa yang





mendorongkan untuk melakukan sesuatu itu dengan bersungguh dan seterusnya berusaha menambah maklumat yang lebih mengenainya.

Evans (1965) dalam Kartina Basirun 2002 pula mengatakan, minat itu ialah satu kecenderungan seseorang terhadap sesuatu objek atau aktiviti yang darinya ia mendapat kepuasan atau rasa terhibur tatkala memiliki atau melakukannya. Evans (1965) seterusnya mengatakan yang minat itu lebih melibatkan perasaan seseorang tetapi bukanlah kepercayaannya. Minatlah yang menjadikan hidup seseorang itu lebih bermakna, tanpa minat boleh membawa seseorang itu hidup merana tanpa matlamat. Ia menyimpulkan pendapatnya tentang minat itu sebagai:

“It is a response of liking or attraction”



1.8.2 Pelajar

Dalam kajian ini pelajar merujuk kepada pelajar-pelajar yang mengambil mata pelajaran Pendidikan Seni Visual di tingkatan 5 aliran sastera di tiga buah sekolah sekitar daerah Kota Bharu.

1.8.3 Kraf

Dalam bahasa Inggeris ‘Craft’ membawa makna: Pekerja yang mengehendaki kepandaian menggunakan tangan atau ‘Pertukangan’ manakala dalam bahasa Indonesia memberi makna ‘kerajinan tangan’





Kraftangan dalam Bahasa Inggeris ialah ‘Handicraft’ yang membawa makna ‘hasil seni’ (seperti barang-barang tembikar, barang-barang kayu, tenunan) yang memerlukan kemahiran (keahlian, kecekapan) tangan; kecekapan tangan; kerajinan.

(*Kamus Dewan, 1985:288*)

Collingwood dalam Baharudin (2000:150), memberikan definisi ‘*Craft always involves adistinction between mean and end, planning and execution, raw material and artifact, form and matter, every craft has a hierarchical character*’.

Menurut beliau, kraf tangan berbeza daripada seni visual kerana ia berkait rapat di antara proses yang menentukan matlamat tukang, perancangan, tindakan atau pembuatan, bahan dan produk, jisim dan bentuk. Setiap kraf tangan mempunyai keutamaan dari aspek produk kraf yang digunakan bagi menghasilkan kraf tangan yang baru. Beliau merumuskan bahawa pandai tukang telah menjangkakan jenis produk yang ini dihasilkan sebelum memulakan proses pembuatannya (Baharudin, 2000).

1.8.4 Ukiran

Ukir berbasal daripada perkataan ukir: iaitu lukisan yang dibuat dengan memahat (menggores/menoreh) pada barang-barang perhiasan atau pada sesuatu permukaan seperti kayu, batu dan sebagainya.

(*Kamus Dewan, 1989:1426*)





1.8.5 Kayu

Dalam kajian ini kayu yang dimaksudkan adalah merujuk kepada kayu yang sesuai untuk dijadikan bahan ukiran seperti kayu cengal, kayu merbau, kayu jelutong dan kayu meranti.

1.8.5 Ukiran Kayu

Ukiran kayu merupakan salah satu bentuk hiasan yang terpenting dalam seni bina Melayu. Hiasan digunakan sebagai unsur penyudah dan pelengkap kepada sesuatu bangunan. Keunikan dan kepelbagai pola reka bentuk ukiran kayu yang halus dan tinggi mutunya memang telah lama terkenal sejak berabad lamanya di seluruh Gugusan Kepulauan Melayu. Kini ukiran kayu telah menjadi seni pertukangan warisan bangsa yang sangat bernilai. Hiasan ukiran kayu bukan sahaja manifestasi kecintaan kepada keindahan alam semula jadi tetapi memaparkan sifat kerajinan dan kesabaran tukang Melayu dalam penghasilan seni. Motif ukiran yang digunakan jelas menunjukkan penerapan nilai budaya, agama dan adat resam orang-orang Melayu yang lazimnya diilhamkan daripada tumbuh-tumbuhan yang terdapat di persekitaran. Ukiran kayu dihasilkan secara dua atau tiga dimensi mengikuti kualiti dan kompleksiti yang diperlukan (Zulkifli, 2002).

Seni kraf pertukangan masyarakat Melayu zaman dahulu begitu tinggi nilainya. Ukiran Kayu menerapkan unsur-unsur alam sekitar dan cara hidup masyarakat Adat resam, kepercayaan, agama, iklim, geografi dan persekitaran. Orang-orang Melayu





dahulu melihat alam ini dari sudut yang lebih luas. Tumbuhan-tumbuhan, gunung-ganang dan bukit-bukau telah dijadikan sumber ilham oleh tukang-tukang ukir. Ukiran kayu merupakan salah satu bentuk hiasan yang terpenting dalam seni bina Melayu. Hiasan digunakan sebagai unsur penyudah dan pelengkap kepada sesuatu bangunan (Abdullah Muhammad, 1978) dalam Md. Nasir (2003). Dalam kajian ini ‘Ukir kayu’ adalah merujuk kepada Sukatan Pelajaran Pendidikan Seni Visual KBSM (2003).

1.8.7 Pendidikan Seni Visual

Menurut Edmund Brueckner Feldman (1996), yang membicarakan khusus tentang Pendidikan Seni iaitu “*Art education is an enterprise that encompasses teaching and learning to make and understand art, as well as finding out the world and ourselves through the art.*”



Sementara John A. Michael (1983) pula mengatakan “*Art education, as we perceive it today, means;*

1. a concern for students-

Their needs values, personal / social considerations, intellect, emotional stability, perceptual and aesthetic, sensitivity, talent, skills, creativity, and attitude:

2. a concern for the field of art-

Media, processes, methods, artistic, art in society (culture), art goals and purposes, art history and criticism;





3. and a concern for teaching-

Objectives, curricula, theoryphilosophy, methodology; evaluation, school organization, the community, and environment.⁴

Beliau telah mendefinisikan Pendidikan Seni seperti berikut:

- i. satu proses pengajaran dan pembelajaran untuk memahami seni, dunia dan diri sendiri melalui seni.
- ii. proses melibatkan tiga aspek iaitu pelajar dari aspek nilai dan keperluan, pertimbangan peribadi dan sosial, intelek, emosi, kestabilan, kepekaan persepsi dan estetik, bakat kemahiran, kreativiti dan sikap.
- iii. aspek kedua ialah bidang seni yang melibatkan media, proses, kaedah, artis, budaya, matlamat dan tujuan seni, sejarah dan kritikan.
- iv. aspek terakhir melibatkan pengajaran iaitu objektif, kurikulum, teori, falsafah, metodologi, penilaian, organisasi sekolah, komuniti dan persekitaran.

⁴ John A. Michael, *Art and Adolescence, Teaching Art at the Secondary Level* (New York: Teachers College Press: 1983).





1.9 Metodologi

Kajian yang akan dijalankan ini menggunakan gabungan kaedah kualitatif dan kuantitatif. Penyelidik menggunakan tiga bentuk instrumen dalam kajian ini bagi memperoleh data-data untuk menjawab persoalan kajian. Antara instrumen yang digunakan ialah soal selidik, pemerhatian melalui senarai semak dan temu bual. Pemilihan instrumen yang berlainan dalam kajian ini adalah bagi membolehkan data dikumpulkan dalam pelbagai bentuk dan menjadikan data-data yang dikumpulkan itu lebih tinggi kesahihannya.

Sampel kajian dalam penyelidikan ini diambil dari kalangan pelajar tingkatan lima aliran sastera dari tiga buah sekolah menengah di sekitar daerah Kota Bharu. Antara sekolah yang dipilih ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Zainab II, Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Ismail dan Sekolah Menengah Kebangsaan Kok Lanas. Seramai 120 orang pelajar Pendidikan Seni Visual di tingkatan lima dari tiga buah sekolah di sekitar daerah Kota Bharu yang terlibat dalam kajian yang akan dijalankan. Kajian ini juga melibatkan kesemua bilangan guru seni yang mengajar di tingkatan lima di tiga buah sekolah yang dikaji. Oleh itu jumlah guru seni yang terlibat dalam kajian ini ialah seramai tiga orang.

Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik berbentuk skala 5 Likert, antara bentuk pengukurannya ialah sangat setuju, setuju, tidak setuju, tidak pasti dan tidak setuju sama sekali. Soal selidik ini digunakan untuk mendapat maklumat latar belakang pelajar. Soal selidik yang dibina ini mengandungi sebanyak 22 soalan yang terdiri daripada dua bahagian iaitu bahagian A melibatkan latar belakang pelajar dan



bahagian B tentang minat pelajar terhadap kraf ukiran kayu. Lihat lampiran A di belakang.

Data yang diperoleh melalui soal selidik akan direkodkan dan dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Package for Sosial Science (SPSS). Perisian ini digunakan untuk menjawab persoalan tentang minat pelajar terhadap kraf ukiran kayu di mana kadar peratusan dianalisis. Manakala data yang diperoleh daripada hasil pemerhatian dan temu bual dengan guru dianalisis dan diuraikan secara deskriptif.

Instrumen pemerhatian akan digunakan dalam kajian ini untuk mengenal pasti jenis-jenis kelengkapan atau kemudahan prasarana seperti tempat, bahan dan peralatan yang sesuai bagi membolehkan pembelajaran kraf ukiran kayu dapat dilaksanakan dalam kelas Pendidikan Seni Visual di sekolah. Senarai kelengkapan alatan dan bahan telah disenaraikan oleh penyelidik di dalam borang senarai semak yang dikembarkan di lampiran B di belakang.

Manakala instrumen yang ketiga digunakan dalam kajian ini ialah temu bual. Instrumen ini digunakan bagi memperoleh data daripada guru untuk melihat adakah faktor guru boleh mempengaruhi minat pelajar terhadap kraf ukiran kayu. Pengumpulan data daripada guru juga penting bagi memantapkan hasil dapatan kajian. Penyelidik telah menyediakan satu set borang temu bual berstruktur seperti yang terdapat dalam lampiran C di bahagian belakang kajian ini.

1.10 Organisasi Tesis

Laporan kajian ini mengandungi lima bab iaitu:

Bab 1 menerangkan latar belakang kajian yang dijalankan berdasarkan permasalahan kajian yang dikaji. Turut dibincangkan dalam bahagian ini ialah objektif kajian, persoalan kajian dan batasan kajian. Definisi Istilah juga dipaparkan di sini bagi menerangkan maksud-maksud tertentu yang mungkin sukar difahami oleh pembaca yang membaca kajian ini. Metodologi dan Kerangka konsep kajian ialah merupakan tulang belakang kepada kajian ini juga turut diterangkan di dalam bahagian ini.

Bab 2 membincangkan secara khusus tentang minat pelajar, kelengkapan prasarana dalam pengajaran dan pembelajaran kraf ukiran kayu, peranan guru dalam pengajaran dan pembelajaran kraf ukiran kayu. Teori pembelajaran, kaedah pengajaran yang sesuai turut dibincangkan dalam kajian ini. **Sukatan Pelajaran Pendidikan Seni Visual (2003)** digunakan sebagai rujukan utama kepada kajian ini.

Bab 3 menghuraikan penggunaan metodologi kajian. Di dalam bab ini diterangkan secara terperinci tentang reka bentuk kajian yang digunakan, sampel kajian, pentadbiran kajian, instrumen kajian yang digunakan, kajian rintis dan pengesanan instrumen, cara analisis data dilakukan, dan carta aliran kajian.

Bab 4 dalam bab ini penyelidik membincangkan dapatan kajian yang diperoleh berdasarkan keputusan analisis data yang telah dibuat. Bab ini juga mengandungi huraian latar belakang demografi responden, analisis statistik yang menjawab semua permasalahan kajian yang dikemukakan. Data pemerhatian dan data temu bual yang diperoleh akan dianalisis dalam bentuk huraian.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Bab 5 merupakan laporan terakhir dalam kajian ini. Di dalam bab ini terkandung rumusan, perbincangan dan kesimpulan dapatan kajian, cadangan untuk kajian susulan dan sorotan terbitan kajian ini akan dibuat dengan lebih teliti di dalam disertasi yang akan datang.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi